

30 OCT 2003

Singapura-Mahathir/I

RAKYAT SINGAPURA AKAN MERASAI KEHILANGAN DR MAHATHIR

SINGAPURA, 30 Okt (Bernama) -- Esok, seorang pemimpin yang telah membentuk dasar-dasar Malaysia ke arah Singapura sejak dua dekad yang lepas akan bersara sebagai Perdana Menteri dan menyerahkan kepimpinan kepada Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Penganalisis berpendapat di sebalik perasaan kurang senang terhadap kritikan pedas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para pemimpin Singapura tidak memandang rendah kepada kejayaannya dalam membentuk Malaysia sebagai antara 20 negara perdagangan utama dunia.

Mereka turut menyuarakan keyakinan terhadap Malaysia selepas Dr Mahathir dan menyanjung beliau kerana telah membangunkan "asas-asas kukuh" untuk diteruskan oleh penggantinya.

"Saya fikir banyak rakyat Singapura yang mengagumi wawasan Dr Mahathir ke arah Malaysia moden dan berbilang kaum serta keberanian beliau dalam mengejanya, dan sudah tentu kejayaan beliau menukarkan Malaysia kepada salah sebuah negara yang paling maju di Asia Tenggara," kata pemerhati politik Seah Chiang Nee.

Banyak orang memuji tindakan Dr Mahathir menentang pelampau agama dan perkauman, amalan-amalan "mundur" orang Melayu serta menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris, katanya kepada Bernama.

"Agak sukar bagi sesiapaupun untuk meniru beliau tanpa menghadapi masalah," kata Seah, seorang wartawan veteran dan kini Editor LittleSpeck.com.

Bagaimanapun, katanya, rakyat Singapura juga "secara betul atau salah melihat beliau sebagai mempunyai perasaan peribadi yang kurang menyenangkan terhadap Singapura" yang memberi kesan kepada hubungan dua hala sejak beberapa tahun lepas.

Beliau menarik perhatian bahawa sejak beberapa tahun lepas hubungan dua hala semakin merosot dan memadamkan banyak manfaat diplomatik yang dicapai dalam tahun-tahun sebelumnya.

"Kebanyakan orang yang saya temui menaruh harapan tinggi bahawa Datuk Seri Abdullah, selepas tempoh konsolidasi, akan membuka peluang bagi hubungan yang lebih baik," kata Seah.

"Dalam masa setahun, Singapura akan mempunyai seorang Perdana Menteri baru. Perubahan kepimpinan di kedua-dua wilayah sebenarnya petanda baik sekiranya kedua-dua pihak merebut peluang yang ditawarkan oleh sejarah," katanya lagi.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong memberitahu Bangkok Post baru-baru ini bahawa "Dr Mahathir meninggalkan sebuah kapal yang bagus dengan pegawai-pegawai yang baik serta enjin yang berfungsi dengan betul."

Oleh itu, Abdullah yang menggantikannya akan berupaya meneruskan proses itu "tanpa terlalu banyak kesulitan", katanya, yang menggambarkan Abdullah sebagai seorang pemimpin berkebolehan yang keupayaannya dipandang rendah oleh para pemerhati.

Bekas Perdana Menteri Singapura, yang kini Menteri Kanan Lee Kuan Yew, memberi jolokan "Melayu Ultra" kepada Dr Mahathir dalam Memoir yang ditulisnya, tetapi mengakui bahawa Perdana Menteri Malaysia itu berbeza daripada beberapa Perdana Menteri yang terdahulu.

Dalam bukunya "From Third World To First: The Singapore Story: 1965-2000", Lee menulis: "Tunku, Razak dan Hussein Onn merupakan dari golongan bangsawan atau keluarga pemerintah tradisional yang mempunyai hubungan dengan sultan. Seperti saya, Mahathir merupakan orang kebanyakan

-- seorang doktor profesional terlatih dan ahli politik."

Di sebalik perbezaannya dengan Dr Mahathir, Lee berkata: "Saya mencapai banyak kemajuan dalam menyelesaikan masalah dua hala dengan Mahathir dalam masa sembilan tahun beliau menjadi Perdana Menteri, dari 1981 hingga 1990, apabila saya meletakkan jawatan, berbanding 12 tahun sebelumnya dengan Tun Razak dan Hussein Onn sebagai Perdana Menteri."

-- BERNAMA

SS ROS